

SOALAN NO.: 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH : 30 MAC 2015

SOALAN :

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian dalam memulihkan harga komoditi yang tidak menentu dan apakah inisiatif yang disediakan bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor komoditi seperti sawit, getah, kayu-kayan, koko dan lada merupakan industri yang berorientasikan eksport dan harganya bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dan permintaan dari negara-negara pengimport utama. Sejak suku tahun ketiga 2014, pertumbuhan ekonomi yang perlahan di negara-negara pengimport utama telah menyumbang kepada kelembapan harga terutamanya bagi komoditi sawit dan getah.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) sentiasa proaktif dalam menerajui usaha-usaha memperkuat dan menstabilkan harga serta meningkatkan daya saing industri komoditi negara melalui inisiatif-inisiatif seperti berikut:

i. Meningkatkan Penggunaan Domestik Produk-Produk Komoditi

Untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit di pasaran tempatan, MPIC telah melaksanakan Program Biodiesel B7 mulai November 2014 di seluruh negara untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit serta mengurangkan stok bagi memberi impak yang positif kepada harga minyak sawit mentah (*Crude Palm Oil-CPO*).

Bagi sektor getah pula, di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan Malaysia, Indonesia dan

Thailand, ketiga-tiga negara telah bersetuju untuk meningkatkan penggunaan getah domestik sebanyak 10 peratus setahun pada 20 November 2014 bagi mengurangkan stok getah asli semasa dunia yang tinggi iaitu, 3 juta tan.

Begitu juga dengan komoditi lada, MPIC melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah menganjurkan *Pepper Day* sempena hari pembentukan *International Pepper Community* (IPC) bagi meningkatkan penggunaan domestik lada pada setiap tahun walau pun harga lada tempatan pada masa kini mencecah RM26,000 se tan bagi lada hitam dan RM36,500 se tan bagi lada putih yang merupakan paras harga yang tertinggi dalam sejarah industri lada negara.

ii. Meningkatkan Permintaan dengan Memperkuuh Pasaran Sedia Ada dan Meneroka Pasaran Baharu

MPIC giat menjalankan aktiviti promosi dan pengembangan pasaran di dalam dan di luar negara melalui penyertaan dalam pameran, ekspo perdagangan dan misi teknikal yang dianjurkan oleh pelbagai pihak bagi mempromosi produk komoditi yang dikeluarkan oleh syarikat dan pembekal tempatan.

Selain itu, MPIC juga berusaha bagi meningkatkan akses pasaran yang lebih baik dalam perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan perundingan pelbagai hala atau serantau seperti *Trans Pacific Partnership* (TPP) dan *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP) bagi

membolehkan kayu-kayan Malaysia dieksport ke pasaran yang lebih luas.

iii. Mempergiatkan Aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) serta Memberi Nilai Tambah kepada Produk Hiliran Komoditi

Bagi memastikan sektor sawit terus berdaya saing di pasaran minyak dan lelemak antarabangsa, aktiviti R&D tertumpu kepada usaha untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dan penghasilan produk nilai tambah tinggi untuk pasaran eksport.

Dalam sektor getah pula, Malaysia telah mencapai kesepakatan melalui ITRC untuk bertukar-tukar maklumat hasil penyelidikan dalam penghasilan produk-produk baru getah antara ketiga-tiga negara anggotanya.

Sektor lada juga menyaksikan inovasi pelbagai produk baru seperti sos lada hitam, minyak wangi lada, '*smoke flavoured seasoning*', '*garlic pepper sauce*', '*black pepper marinade cube*' dan sebagainya telah dibangunkan melalui aktiviti R&D. Untuk meningkatkan daya saing industri lada, beberapa produk lada tambah nilai peringkat kilang seperti Lada Steril (*Mikrokleen*), Lada Putih Krim (LPK) dan serbuk lada telah diperkenalkan untuk pasaran yang lebih mementingkan keselamatan dan kualiti makanan.

iv. Program Tanam Semula dan Tanam Baharu

Penanaman semula pokok-pokok komoditi yang tidak lagi produktif pada ketika harga komoditi berada di paras yang rendah merupakan strategi serampang dua mata yang boleh mengurangkan stok bahan mentah komoditi-komoditi ini. MPIC melalui agensi-agensi di bawahnya mempunyai pelbagai program Tanam Semula dan Tanam Baharu iaitu:

- (a) Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- i. Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK); dan
 - ii. Skim Tanam Baharu Sawit Pekebun Kecil (TBSPK).

- (b) Lembaga Getah Malaysia (LGM)
- i. Geran bagi Tanam Baru Getah; dan
 - ii. Geran bagi Tanam Semula Getah ke Getah.

- (c) Lembaga Industri Perkayuan Malaysia (MTIB)
- i. Program Bantuan Pinjaman Pembangunan Ladang Hutan Berskala Besar dan Sederhana; dan
 - ii. Program Bantuan Pinjaman Pembangunan Ladang Hutan Skala Kecil.

- (d) Lembaga Koko Malaysia (LKM)
- i. Program Tanaman Baru Koko;

- ii. Program Tanam Semula Koko; dan
 - iii. Program Tanaman Berintegrasi.
- (e) Lembaga Lada Malaysia (MPB)
- i. Tanaman Baru Lada; dan
 - ii. Skim Baik Pulih Tanaman Lada.

- (f) Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN)
- i. Insentif Penanam Kenaf.

Tuan Yang Di-Pertua,

Agensi-agensi di bawah MPIC juga mempunyai program-program yang unik dan tersendiri bagi membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana. Sebagai contoh, Program Pengurusan Ladang LGM, di mana usahawan yang terpilih akan dilatih untuk menguruskan kebun getah mengikut piawaian pengurusan ladang supaya mereka mahir mengendalikan ladang tersebut termasuk soal teknikal dan kewangan. Anak-anak pekebun kecil getah pula akan diajar dan diberi bimbingan untuk membangunkan produk getah yang boleh diguna pakai dalam kegunaan harian secara komersil dengan menggunakan bahan mentah tempatan.

Bagi mewujudkan pengusaha koko kelas pertama, MPIC melalui LKM memberi insentif input seperti baja dan peralatan pertanian, bimbingan kursus-kursus dan latihan kemahiran koko untuk

meningkatkan kualiti biji koko di bawah Program Peningkatan Produktiviti Koko (PPP).

Bantuan juga disediakan kepada pengusaha tanaman lada berupa kemudahan lepas tuai seperti Pengipas, Pelerai, *Spiral Separator*, Pelantar Jemuran, Stor Penyimpanan Alat Tani dan bahan binaan untuk empangan kecil/tangki rendaman bagi membantu meningkatkan kualiti lada di peringkat ladang dan menggalakkan pengeluaran lada premium seperti Lada Berkualiti Eksport (LBE) dan Lada Putih Krim (LPK) agar pengusaha ini mendapat harga yang lebih lumayan.

Sekian, terima kasih.